23 SEP, 2026
Harian Metro, Malaysia

SAHUT CABARAN DAN PELUANG

WM
WANITA & MASKULIN

SAHUT CABARAN DAN PELUANG

Selepas empat tahun mencuba, kegigihan Nurfarhani terbalas selepas terpilih penerima Biasiswa Chevening 2026, ikuti pengajian di UK



NURFARHANI berjaya menerima Biasiswa Chevening 2026 selepas empat kali percubaan.

FOKUS

Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@mediaprima.com.my

Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan hanya 1A dan tiga kali gagal dalam permohonan program biasiswa antarabangsa berprestij kerajaan United Kingdom (UK), tidak mematahkan semangat Nurfarhani Abdul Japar untuk terus mengejar impiannya.

Sebaliknya, setiap kegagalan dijadikan ruang untuk memperbaiki diri sehingga wanita berusia 32 tahun dari Tawau, Sabah ini akhirnya terpilih sebagai penerima Biasiswa Chevening 2026 selepas empat tahun mencuba sejak 2022.

Bagi anak sulung daripada sembilan beradik itu, kejayaan berkenaan cukup bermakna kerana dia yang memperoleh keputusan SPM 1A, 3B, 4C dan 1D mampu melanjutkan pengajian Sarjana Pengurusan dan Dasar Awam di University of Glasgow, bulan ini.

Menurut Nurfarhani, dia tidak pernah berputus asa, malah terus berusaha tanpa jemu memperbaiki kelemahan setiap kali gagal dalam permohonan.

"Setiap kegagalan saya jadikan panduan untuk memperbaiki diri dan esei, tambah pengalaman, kuatkan naratif kepimpinan dan terus belajar daripada alumni.

"Akhirnya, selepas empat tahun mencuba tanpa putus asa, saya berjaya terpilih sebagai penerima Chevening tahun ini.

"Kejayaan ini juga amat bermakna kerana saya orang pertama dalam keluarga kami yang berpeluang menyambung pelajaran di luar negara," katanya.

Nurfarhani berkata, kejayaan beberapa rakannya yang terlebih dahulu menerima biasiswa sama turut menjadi pencetus dan penguat semangat kepadanya untuk terus berani mencuba.

"Apabila melihat mereka melangkah ke UK untuk sambung belajar, saya rasa kagum dan bangga. Dalam hati kecil terdetik, kalau mereka boleh, kenapa bukan saya?

"Kawan bukan sahaja beri semangat tetapi juga membuka mata saya, peluang besar seperti Chevening memang boleh dicapai kalau kita berusaha dan percaya pada diri sendiri," katanya.

Nurfarhani berkata,

© Nine Entertainment Co. Pty Limited. No redistribution is permitted. This content can only be copied and communicated with a copyright licence.


AUTHOR: Mahaizura Abd Malik SECTION: SUPPLEMENT PAGE: WM36,WM37 PRINTED SIZE: 1657.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 63,236.00 ITEM ID: MY0071229929

23 SEP, 2026

SAHUT CABARAN DAN PELUANG

Harian Metro, Malaysia

FOTO | IHSAN NURFARHANI ABDUL JAPAR



NURFARHANI berjaya mengejar impian menyambung pengajian di UK.



NURFARHANI (empat dari kanan tengah) bersama penerima Biasiswa Chevening 2026.

pengalaman sembilan tahun bekerja bersama komuniti rentan khususnya di Sabah juga banyak membentuk hala tuju dan perjalanannya mendapatkan biasiswa itu.

"Selepas menamatkan pengajian di Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 2017, saya memulakan kerjaya sebagai pembantu penyelidik kepada calon doktor falsafah (PhD) dari Princeton University yang menjalankan kajian berkaitan hak asasi manusia di Sabah sebelum berkhidmat selama tiga tahun sebagai Pegawai Program di Global Shepherds Berhad.

"Pada 2022, saya menjadi koordinator projek sebelum dinaikkan pangkat sebagai ketua projek untuk Earthworm Foundation dan bekerjasama dengan syarikat multinasional, pembekal tempatan, komuniti pekerja serta agensi kerajaan dalam usaha meningkatkan amalan sosial dan hak pekerja dalam sektor perladangan kelapa sawit," katanya.

Sepanjang kerjayanya, katanya, dia turut melaksanakan pelbagai program bersama komuniti di kawasan pedalaman Sabah termasuk Tongod, Paitan, Pitas, Sook, Nabawan, Sugut dan Beluran.

"Saya melihat sendiri isu kemiskinan, akses pendidikan, bekalan air bersih serta kemudahan jalan raya yang masih dihadapi sebahagian masyarakat.

"Pengalaman itu mendorong saya memilih bidang dasar awam kerana mahu memahami jurang antara dasar yang dirangka dengan realiti pelaksanaannya di peringkat masyarakat.

"Saya ingin menjadi jambatan antara pengalaman di lapangan dan pembuat dasar supaya perubahan yang berlaku bukan sekadar teori, sebaliknya benar-benar membawa perubahan bermakna kepada kehidupan orang lain," katanya.

Pesan Nurfarhani, jangan menjadikan keputusan SPM sebagai penghalang untuk mengejar impian sebaliknya bangkit mencari peluang.

"SPM memang sangat penting tetapi SPM bukan penamat hidup kita.

"Keputusan SPM saya juga tidak cemerlang dengan hanya dapat 1A sahaja tetapi hidup saya berubah hari ini sebab saya menerima kelemahan diri, terus belajar, selalu mencari peluang dan tidak berhenti percaya saya boleh menjadi lebih baik," katanya.






NURFARHANI ketika bekerja dalam pelbagai program komuniti, hak asasi manusia di Sabah dan bekerjasama dengan syarikat multinasional, pembekal tempatan, komuniti pekerja serta agensi kerajaan.

© Nine Entertainment Co. Pty Limited. No redistribution is permitted. This content can only be copied and communicated with a copyright licence.

AUTHOR: Mahaizura Abd Malik SECTION: SUPPLEMENT PAGE: WM36,WM37 PRINTED SIZE: 1657.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 63,236.00 ITEM ID: MY0071229929



23 SEP, 2026

SAHUT CABARAN DAN PELUANG

Harian Metro, Malaysia

SUMMARIES

Selepas empat tahun mencuba, kegigihan Nurfarhani terbalas selepas terpilih penerima Biasiswa Chevening 2026, ikuti pengajian di UK

mahaizura@mediaprima.com.my

Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan hanya 1A dan tiga kali gagal dalam permohonan program biasiswa antarabangsa berprestij kerajaan United Kingdom (UK), tidak mematahkan semangat Nurfarhani Abdul Japar untuk terus mengejar impiannya.

© Nine Entertainment Co. Pty Limited. No redistribution is permitted. This content can only be copied and communicated with a copyright licence.